



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

<b>AHAD, 16 JANUARI 2022</b>	
1	Saring Anjing kesan CDV
2	Harga telur itik makin mahal setiap bulan sejak September
3	Peniaga tumpu jualan telur ayam gred C
4	Awang penjinak 'rakan' liar
5	8,555 complaints on high prices of goods

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

SUSULAN HARIMAU BELANG DIJANGKITI WABAK

# SARING ANJING KESAN CDV

Oleh Mohd Jamil  
Anbia Md Denin  
anbia@metro.com.my

**Kuala Lumpur**

**B**imbang lebih banyak harimau belang sekitar Pos Bihai, Gua Musang, Kelantan dijangkiti wabak Canine Distemper Virus (CDV) menyebabkan petugas Jabatan Perlindungan Haiwan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) melakukan ujian saringan terhadap beratus ekor anjing di kampung Orang Asli itu.

Ujian saringan besar-besaran yang diadakan sejak kelmarin itu bertujuan memastikan anjing peliharaan di perkampungan berkenaan tidak menjadi 'penyebarkan' virus itu kepada harimau belang.

Pengarah Perhilitan Semenanjung Malaysia, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, anggotanya mengambil sampel air liur semua anjing peliharaan dan anjing liar di lokasi itu.

Beliau berkata, sampel air liur itu dihantar terus ke Ibu Pejabat Perhilitan untuk pe-



DOKTOR veterinar Perhilitan mengambil sampel air liur anjing peliharaan penduduk di Pos Bihai.



PERANGKAP keempat yang dipasang petugas Perhilitan di Kampung Peyat.



Tugas ini dilakukan doktor veterinar dari Unit Ex-Situ Perhilitan selepas sampel najis harimau belang ditemui sebelum ini didapati positif CDV.

"CDV adalah ancaman bagi spesies harimau belang berikutan ia mampu mengakibatkan kerosakan fungsi otak. Ini merupakan punca harimau belang mula hilang rasa takut semula jadi kepada manusia dan menceroboh kawasan kampung di Pos Bihai," katanya.

**Abdul Kadir**

meriksaan lanjut bagi mengesan kewujudan CDV yang boleh membawa maut kepada harimau belang.

"Tugas ini dilakukan oleh doktor veterinar dari Unit Ex-Situ Perhilitan selepas sampel najis harimau belang ditemui sebelum ini didapati positif CDV.

"CDV adalah ancaman bagi spesies harimau belang berikutan ia mampu mengakibatkan kerosakan fungsi otak. Ini merupakan punca harimau belang mula hilang rasa takut semula jadi kepada manusia dan menceroboh kawasan kampung di Pos Bihai," katanya.

Kadir berkata, jumlah anggota Perhilitan yang di-

tugaskan bagi menangani isu konflik harimau di Pos Bihai turut ditambah kepada 30 orang kelmarin.

"Malah, pihak Perhilitan menambah dan memasang perangkap ke empat dalam usaha menangkap kumpulan harimau belang yang berkeliaran di perkampungan itu.

"Perangkap keempat itu dipasang di Kampung Peyat susulan kesan baharu kehadiran harimau ditemui di kampung itu," katanya.

Sebelum ini tiga perangkap harimau sudah dipasang di Kampung Tendrik, Kampung Pahong dan Kampung Bihai Lama.

"Sehingga kini, anggota Perhilitan terus komited menjalankan kawalan keselamatan di kawasan Kampung Asli Tendrik, Kampung Paye dan Sekolah Kebangsaan (SK) Bihai.

"Bagi memastikan keselamatan penduduk dari ancaman harimau belang, petugas Perhilitan kerap memberikan taklimat keselamatan harian kepada penghuni di kampung itu," katanya.

## Harga telur itik makin mahal setiap bulan sejak September

**Talping:** Peniaga telur di Pasar Pagi Kamunting di sini mengakui sukar mendapatkan bekalan telur ayam daripada pemborong hingga memaksanya memperoleh bekalan daripada lima pembekal berbanding hanya satu pembekal sebelum ini.

Peniaga, Mohd Asri Mohd Salleh, 42, berkata, berlaku peningkatan drastik bagi harga telur itik dalam tempoh tiga bulan lalu hingga

menjangkau kenaikan sehingga RM12 sekotak, menjadikan harga RM47 bagi 50 biji telur itik jualan borong yang diperolehinya.

"Bagi telur itik, boleh dikatakan kenaikan harga berlaku setiap bulan yang ia berterusan sejak September tahun lalu. Sejak perayaan Deepavali hingga kini, kenaikan berlaku membabitkan RM2 sekotak untuk setiap dua minggu.

"Untuk telur ayam, sekarang ini hendak dapatkan bekalan daripada setiap pembekal pun susah, jumlah yang ada pada setiap pembekal sangat terhad yang kadangkala kalau saya tempah 100 papan, hanya 40 papan yang dapat.

"Dahulu mudah sebab selain murah, saya ha-

nya perlu ambil stok daripada satu pembekal sahaja namun sekarang sehingga lima pembekal saya perlu berurusan.

"Alasan yang diberikan antaranya disebabkan banyak ayam dan itik mati kerana banjir selain harga dedak mahal,"

katanya ketika ditemui semalam.

Menurutnya, penetapan harga skim harga maksimum yang ditetapkan kerajaan menyebabkan keadaan bertambah parah apabila keuntungan yang diperoleh melalui jualan telur ayam mengalami penyusutan mendadak mencecah nilai lebih dua kali ganda berbanding sebelumnya.

"Sebelum ini, untuk satu

papan telur ayam saya boleh dapat untung RM1.40 hingga RM1.50 sepapan, namun sekarang saya hanya mampu untung antara RM0.50 hingga RM0.60 sen bagi jualan sepapan atau 30 butir telur.

"Mahu naikkan harga, kami pun simpati dengan pelanggan khususnya mereka dari kalangan keluarga B40," katanya yang perlu memperoleh antara 200 ke 300 papan telur sehari.

**Peningkatan drastik bagi harga telur itik menjangkau kenaikan sehingga RM12 sekotak**

# Peniaga tumpu jualan telur ayam gred C

**Kangar:** Kekurangan bekalan telur ayam gred A, B, D dan E menyebabkan kebanyakan peniaga di Perlis kini hanya menumpukan jualan bekalan berkenaan daripada gred C sahaja.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perlis, Norazah Jaapar berkata, secara umumnya tiada berlaku kekurangan bekalan telur di Perlis buat masa ini.

“Kita juga tidak terima aduan dengan isu kekurangan bekalan telur namun maklum balas yang diterima buat masa ini daripada pembekal telur ayam dan juga pengguna adalah kekurangan bekalan telur ayam mengikut gred.

“Di Perlis, terdapat sesetengah pembekal dan pemborong hanya menjual telur mengikut gred tertentu walaupun ada pengguna atau peniaga mencari telur ayam mengikut gred tertentu juga terutama gred B.

“Buat masa ini, bekalan telur ayam gred A, B, D dan E kurang di Perlis dan hanya telur ayam daripada gred C sahaja dilihat sentiasa tidak putus bekalan serta banyak dijual di negeri ini,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) Peringkat Negeri Perlis Siri 3 (Parlimen Kangar) di da-

taran hadapan Masjid Al Muqarrabin, Behor Empiang di sini, semalam.

**Bekalan telur ayam daripada gred A, B, D dan E kurang di Perlis**

# Awang penjinak 'rakan' liar

Haiwan berusia dua tahun itu dijadikan denak memikat kerbau liar dalam hutan

Oleh NORHASPIDA YATIM

HULU TERENGGANU

**W**alaupun baru berusia dua tahun, awang yang ada pada seekor kerbau denak digelar Awang mampu memikat serta menjinakkan kerbau-kerbau liar di dalam hutan sekali gus memberikan pulangan kepada pemiliknya.

Muhammsad Zulfaqar Aiman Kamarulzaman, 18, berkata, dengan bantuan Awang dia boleh mendapat upah sekitar RM300 hingga RM500 bagi setiap seekor kerbau yang dijinakkan bergantung kepada kesukaran serta lokasi.

"Awang adalah kerbau milik bapa saya yang dibeli dengan harga RM3,500 daripada seorang penternak di Manir, Kuala Terengganu dan sudah berjaya menjinakkan lebih 10 ekor kerbau liar termasuk di luar Terengganu seperti di Johor dan Negeri Sembilan," katanya ketika ditemui di Kampung Dusun di sini.

Muhammsad Zulfaqar Aiman berkata, Awang disifatkan sebagai istimewa kerana berjaya dilatih dan jinak dalam tempoh dua bulan sebelum dijadikan denak untuk menangkap kerbau liar.

"Ketika mula dibeli, Awang tidak jinak seperti sekarang dan agak liar. Selepas dilatih kira-kira dua bulan, Awang berubah menjadi jinak dan manja.

"Awang juga mudah menerima arahan dan tidak pernah mengamuk. Disebabkan terlalu baik dan jinak, Awang sering dimandikan dan dibawa bermain oleh adik-adik saya pada setiap petang," katanya.



Muhammad Zulfaqar Aiman (menunggang kerbau) bersama Awang peliharaannya yang akan dimandikan di kawasan sungai di Hulu Terengganu.

Tambah Muhammad Zulfaqar Aiman, aktiviti memandikan kerbau menjadi rutin setiap petang oleh tiga adiknya iaitu Muhammad Syazrul Haikal, 14; Muhammad Zulfikar Izham, 11; dan Siti Marsyaidatul Aleesya, 10, di kawasan sungai kampung mereka.

Bercerita pengalaman menjinjak kerbau liar, Muhammad Zulfaqar Aiman berkata, dia mewarisi kemahiran itu hasil pengalaman mengikut bapanya, Baharun Ismail, 51, menjinakkan kerbau liar sejak berusia 12 tahun.

Katanya, aktiviti menjinjak

kan kerbau liar itu dilakukan di bawah pemantauan bapanya sambil dibantu rakannya, Muhamad Syahrin Iqbal, 21, Mohd Syukri, 23, dan Rahimi Zikri, 18.

Sementara itu, Baharun berkata, menjinakkan kerbau liar adalah berisiko kerana kerbau di dalam hutan biasanya berada dalam kumpulan sehingga mencecah 50 ekor.

"Kalau tiada denak memang tak boleh masuk hutan dengan tangan kosong kerana kerbau-kerbau liar ini begitu agresif dan ganas. Jika tersilap langkah kita mungkin ditanduk, disondok atau dcederakan oleh haiwan tersebut.

"Biasanya kita menggunakan jerat jenis sauk. Selepas kerbau itu mendekati denak, kita akan menangkapnya menggunakan sauk. Mata dan telinganya juga ditutup dengan kain supaya haiwan berkenaan tidak agresif dan senang untuk dibawa keluar daripada hutan," katanya.



Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi (second from left) attending the launch of the Keluarga Malaysia sales programme at Bataras Hypermarket in Tawau, Sabah, yesterday. (BERNAMA PIC)

SINCE MARCH 2020

## 8,555 complaints on high prices of goods

**TAWAU:** A total of 8,555 complaints about high prices of goods were received by the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry from March 2020 to yesterday.

Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, however, said investigations found that the cases occurred only in certain places or were isolated.

"The ministry's enforcement

personnel will carry out checks after receiving complaints and take action against the parties involved," he said after launching the Keluarga Malaysia sales programme here yesterday.

He said consumers should lodge complaints about unscrupulous trade practices.

Meanwhile, Nanta said the ministry was aware of the increase in prices of certain items

and would look at the contributing factors.

He said the government, through the ministry, was always looking at strategies to help ease the burden of consumers.

He said these included having the Keluarga Malaysia sales programme nationwide that offered basic goods at prices lower than the market rate.

**Bernama**